



IBU PEJABAT JPS MALAYSIA



SURAT PEKELILING JPS BIL. 4/1999 (TAMBAHAN KEDUA KEPADA SURAT PEKELILING JPS.UB. 2/1994)

FORMAT MUKA HADAPAN DAN PEMBERIAN NOMBOR KEPADA DOKUMEN TENDER/KONTRAK

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk mengemaskinikan surat-surat pekeling yang telah dikeluarkan terdahulu berkenaan pemberian nombor kepada Dokumen Tender/Kontrak serta memaklumkan beberapa pemerhatian ketidakseragaman amalan dan tindakan-tindakan yang perlu diambil.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Semenjak SP.JPS.UB. 2/1994 dikeluarkan terdapat beberapa Bahagian/pejabat baru telah diwujudkan atau yang telah bertukar nama. Sehubungan dengan itu, senarai kod sediaada perlu dikemaskinikan.
- 2.2 Di samping itu, buat masa ini tiada tanda pengenalan yang khusus digunakan untuk mengenalpasti projek-projek yang dilaksanakan di bawah Program Pembangunan Kontraktor Binaan Bumiputera Berwibawa. Ini mengakibatkan tindakan-tindakan khusus yang sepatutnya diambil bagi projek ini telah tidak dilaksanakan. Contohnya, adalah menjadi dasar semasa Kementerian Kewangan bahawa semua tender di bawah program ini hendaklah dipertimbang dan diputuskan oleh **Lembaga Tender Kementerian Kewangan** (walaupun SPP 11/1993 tidak menggariskan sedemikian). Oleh itu, disebabkan buat masa ini tidak wujud tanda pengenalan bagi projek di bawah program ini, terdapat beberapa kes yang telah terlepas pandang dan diputuskan oleh Lembaga Perolehan Persekutuan di peringkat Negeri.
- 2.3 Diperhatikan juga, terdapat beberapa amalan di dalam pemberian nombor tender/kontrak yang tidak seragam dan perlu diselaraskan.

3.0 TINDAKAN

3.1 **Kod Baru bagi Bahagian/Pejabat Baru/Bahagian Yang Ditukar Nama**

Berikut dijadualkan Bahagian/pejabat serta kod-kod berkaitan:

Bil.	Nama Bahagian/Pejabat	Kod Asal	Kod Baru
1.	Pembangunan Korporat (<i>Nama asal – Perancangan dan Penilaian</i>).	PP	PKor
2.	Teknologi Maklumat	-	IT

3.	Pembangunan Sumber Manusia (<i>Nama asal – Penyelidikan dan Latihan</i>)	PL	PSM
4.	Pusat Serantau Tropika Lembab	-	PSTL

3.2 **Pertukaran Kod Bagi Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Kemasin Semerak**

Di atas permintaan Pejabat Projek, kod yang diuntukkan telahpun ditukar daripada KSRDP kepada **PERKASA**.

3.3 **Kod Tambahan Bagi Projek Yang Dilaksanakan Di bawah Program Pembangunan Kontraktor Binaan Bumiputera Berwibawa.**

Kod “**KW**” hendaklah dicatatkan di dalam nombor tender/kontrak bagi projek-projek di bawah Program ini.

Contoh:

Nombor tender/kontrak bagi projek yang diuruskan oleh JPS Johor di bawah kerja Saliran adalah JPS/P/J/ S/1/99(**KW**).

Kod ini adalah juga terpakai bagi tender untuk menyiapkan kerja-kerja terbengkalai memandangkan ia perlu ditawarkan di kalangan kontraktor bumiputera berwibawa.

3.4 **Kod Tambahan Bagi Kerja Yang Ditawarkan Secara Subkontrak Di bawah Peruntukan Wang Kos Prima**

Nombor tender/kontrak bagi kerja-kerja yang ditawarkan secara Subkontrak di bawah peruntukan Wang Kos Prima hendaklah menggunakan nombor yang sama dengan kontrak utama. Walau bagaimanapun, kod tambahan “**NSC**” hendaklah dicatatkan. Sementara itu tajuk projeknya hendaklah menggunakan tajuk projek utama dengan tambahan tajuk kerja Subkontraknya.

Contoh:

Kerja yang **pertama** ditawarkan secara Subkontrak di bawah peruntukan Wang Kos Prima bagi Projek Pembinaan Empangan Beris, contohnya bagi kerja-kerja pemasangan pam adalah seperti berikut:

No. Tender/Kontrak : JPS/IP/P/1/99(**NSC 1**)
Tajuk Projek : “Pembinaan Empangan Beris
(**Kerja-kerja Membekal, Memasang
dan Mengujipakai Pam dan Kerja-
kerja lain yang berkaitan**)”.

3.5 **Pemerhatian/Tindakan-tindakan Yang Perlu Di ambil Untuk Memperkemaskan Amalan**

Lampiran I menyenaraikan beberapa hasil pemerhatian yang dibuat berhubung pemberian nombor tender/kontrak dan tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk memperkemaskan amalan-amalan sedia ada.

4. **PENGUATKUASAAN**

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta. Surat Pekeliling terdahulu berkaitan dengan Format Muka Hadapan dan Pemberian Nombor kepada Dokumen Tender/Kontrak seperti berikut hendaklah juga dirujuk dan masih terpakai di mana berkenaan:

- i) JPS.UB.2/1994 bertarikh 31.1.1994
- ii) Tambahan Pertama Kepada Surat Pekeliling JPS.UB. 2/1994 bertarikh 28/11/1994

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CINTAILAH SUNGAI KITA”**

(IR. HJ. KEIZRUL B. ABDULLAH)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Malaysia.

17Jun 1999

Bil. Fail: (52)dlm.PPS. 10/4/2 CUB Jld. 3

HSS/ns/170699/SP499deraf4/disk SPJPS4

**Pemerhatian dan Tindakan-Tindakan
Yang Perlu Di Ambil**

Bil	Pemerhatian	Tindakan Yang Perlu Di Ambil
1.	<p><u>Pemakaian Sistem Sediaada</u></p> <p>Didapati masih terdapat beberapa pejabat yang langsung tidak menggunakan nombor tender seperti yang telah digariskan.</p>	<p>Untuk memastikan wujudnya keseragaman, semua pejabat adalah diminta untuk menggunakan garis panduan yang telah dikeluarkan.</p>
2.	<p><u>Nombor Tender Bagi Projek Yang Ditawar Semula dan Nombor Tender Bagi Projek Terbengkalai</u></p> <p>Terdapat kekeliruan di dalam pemberian nombor bagi tender-tender di dalam kategori di atas.</p>	<p>a) <u>Pemberian Nombor Bagi Projek Yang Ditawar Semula</u></p> <p>Sekiranya di atas sesuatu sebab tender terpaksa ditawar semula, nombor asal hendaklah digunakan semula tetapi dicatatkan sebagai tawaran semula.</p> <p>Contoh: JPS/P/KD/SG/1/99 (Tawaran Semula)</p> <p>b) <u>Pemberian Nombor Bagi Projek Terbengkalai</u></p> <p>Nombor baru hendaklah diberikan. Walau bagaimanapun tajuk projek hendaklah dinamakan sebagai “Membina dan Menyiapkan Kerja-kerja Terbengkalai Bagi</p>

Bil	Pemerhatian	Tindakan Yang Perlu Di Ambil
3.	<p><u>Nombor Tender Yang Tidak Sesuai Dengan Waktu Tawaran</u></p> <p>Terdapat nombor-nombor tender yang digunakan tidak lagi sesuai sewaktu tawaran dibuat. Contohnya:</p> <p>a) Nombor tender adalah bagi tahun 1998 sedangkan tawaran dibuat pada tahun 1999.</p> <p>b) Nombor tender yang diiklankan tidak mengikut susunan.</p>	<p>Nombor-nombor tender hendaklah didapatkan hanya apabila tawaran hendak dikeluarkan iaitu dengan menggunakan nombor pada tahun tawaran dan juga disesuaikan supaya nombor mengikut turutan apabila tender diiklankan.</p>
4.	<p><u>Pemberian Nombor Bagi Projek Yang Mana Ditender dan Diselia Oleh Pejabat Yang Berlainan.</u></p> <p>Terdapat kekeliruan bagi projek yang mana pemanggilan tender dan pengawasan projek dikendalikan oleh dua pejabat yang berbeza iaitu kod pejabat mana yang harus digunakan.</p>	<p>Kod bagi pejabat yang memanggil tender hendaklah digunakan.</p>
5.	<p><u>Pemberian Nombor Bagi Kerja Yang Diserahkan Kepada IKRAM.</u></p> <p>Terdapat permintaan untuk mendaftarkan nombor bagi kerja-kerja ini.</p>	<p>Kerja di bawah kategori ini tidak perlu didaftarkan/diberi nombor khusus. Pejabat berkenaan hendaklah menyimpan rekod bagi pejabat masing-masing.</p>
6.	<p><u>Penggunaan Kod/Cara Yang Tidak Mengikut Surat Pekeliling</u></p> <p>Terdapat penggunaan kod/pemberian nombor yang tidak mengikut Surat Pekeliling. Ini mungkin disebabkan oleh ketidakfahaman, kekeliruan atau terdapatnya cadangan kod baru.</p>	<p>Untuk tujuan keseragaman, sila rujuk sebarang kemusykilan/cadangan baru kepada Bahagian Ukur Bahan, Ibu Pejabat JPS Malaysia.</p>